

JADUAL BACAAN METER WAQAF (BMW) : APLIKASI KAEDAH ANAK PANAH DAN WARNA DALAM MENGENAL TANDA WAQAF

TUAN ABDUL RAHMAN BIN TUAN SOH

tuanrahman95@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu empat orang murid Tahun 5 dalam mengenal dan mengingat Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah dengan menggunakan simbol anak panah dan warna. Elemen penggabungan warna merah dan hijau dalam anak panah digunakan bagi membantu murid mengingat enam hukum waqaf ini. Murid telah diberikan satu petikan yang mengandungi enam jenis hukum waqaf. Kajian ini hanya mengambil masa tiga bulan untuk dilaksanakan. Murid saya mampu untuk mengenalpasti dan membaca dengan betul apabila menemui Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah di dalam ayat. Hasil dapatan dianalisis kemudian disemak menggunakan triangulasi sumber. Penguasaan para peserta dalam kajian ini telah menunjukkan peningkatan dalam aspek bacaan dan dalam mengenalpasti hukum berkenaan Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah dimana masing-masing meningkat sebanyak 80%(3 orang) dan 60%(seorang). Sesi tindakan yang saya laksanakan telah membantu dalam menambah baik amalan pengajaran saya.

Kata Kunci: *Tanda Waqaf, 4 Peserta Kajian, warna, anak panah, hukum tajwid*

PENGENALAN

Semasa menjalani praktikum di sekolah, pengkaji telah membuat beberapa pemerhatian semasa di dalam kelas. Pengkaji telah diamanahkan untuk mengajar kelas Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Nangka. Pada kali ini, pengkaji akan membuat kajian berfokuskan kepada bidang Al-Quran, bahagian tajwid iaitu tentang tanda-tanda waqaf. Hal ini kerana bagi pengkaji sebagai Guru Pendidikan Islam (GPI) sudah menjadi kewajipan serta tanggungjawab untuk memastikan murid-murid Islam dapat membaca Al-Quran dengan tajwid yang tepat. Menurut Ahmad Mohd. Salleh (2008), pendidikan Al-Quran bermatlamat untuk membina masyarakat yang bertakwa, masyarakat yang adil berasaskan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan dan masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, tidak sombong dan masyarakat yang mengikut garis panduan al-quran. Di Sekolah Kebangsaan Nangka ini mempunyai satu kelas sahaja setiap tahun. Kelas yang pengkaji mengajar ialah tahun 5 seramai 20 orang murid Islam. Semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dijalankan, pengkaji mengambil keputusan untuk mengambil sebanyak empat orang sahaja peserta kajian yang mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan bagi menguji tindakan ini.

FOKUS KAJIAN

Pada kajian ini pengkaji mengfokuskan kepada bidang Al-Quran bahagian hukum tajwid Tanda Waqaf iaitu Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah. Antara tanda waqaf yang pengkaji tekankan semasa PdPc tersebut ialah sebanyak enam jenis sahaja iaitu Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah. Menurut Nik Ja'far (2008) mendefinisikan Waqaf Lazim ialah waqaf pada mana-mana ayat yang telah sempurna pada lafaz dan maknanya, yang mana jika diwasalkan ianya boleh

mengubah maksud yang dikehendakinya. Hal ini bererti apabila bertemu dengan tanda **Waqaf Lazim** kita mesti **menghentikan bacaan**. Seterusnya Waqaf Qabih pula bermaksud berhenti pada mana-mana kalimah yang tergantung, yang tidak boleh difahami maknanya ataupun mengubah maksud sesuatu ayat apabila berhenti dan **Waqaf Qabih** ini **melarang pembaca daripada berhenti** pada tandanya secara tegas.

Manakala Waqaf Kafi pula ialah berhenti pada mana-mana ayat yang telah sempurna pada lafaz *ʿrab* tetapi masih ada hubungan pada makna ayat berikutnya. Pada **Waqaf Kafi** ini kita **diutamakan berhenti bacaan** daripada sambung terus kerana tidak mengubah makna sesuatu ayat pada tanda waqaf Kafi. Manakala Waqaf Hasan berlawanan maksud dengan Waqaf Kafi iaitu berhenti pada mana-mana ayat yang telah sempurna pada dasarnya tetapi masih ada hubungan pada lafaz dan pada maknanya dengan ayat berikutnya. Tanda **Waqaf Hasan** ini awla wasal iaitu **diutamakan sambung** jika mampu sehingga jumpa tempat berhenti yang lebih baik daripadanya. Seterusnya, tanda **Waqaf Jaiz** pula bermaksud tanda waqaf yang **boleh dipilih** oleh pembaca sama ada untuk **berhenti atau meneruskan** bacaan. Akhir sekali, tanda Waqaf Mu'anaqah iaitu tanda waqaf (*...*) yang bermaksud berhenti di salah satu tanda. Tanda titik tiga (*) ini akan selalu muncul sebanyak dua kali, dan kita harus berhenti di salah satu tanda waqaf tersebut

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Membantu murid mengenal Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah dengan menggunakan jadual "Bacaan Meter Waqaf"(BMW).
2. Meningkatkan amalan pedagogi pengkaji dalam membantu murid mengenal Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah dengan menggunakan jadual "Bacaan Meter Waqaf"(BMW).

Persoalan Kajian

- 1) Bagaimanakah Jadual "Bacaan Meter Waqaf" (BMW) dapat membantu murid dalam mengenal Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah?
- 2) Adakah jadual "Bacaan Meter Waqaf"(BMW) ini dapat meningkatkan amalan pedagogi pengkaji dalam membantu murid mengenal Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah?

PESERTA KAJIAN

Pengkaji telah menetapkan untuk melaksanakan kajian terhadap kumpulan sasaran pengkaji iaitu murid Tahun 5 dari Sekolah Kebangsaan Nangka. Seterusnya, hanya empat orang murid sahaja yang diambil sebagai peserta kajian yang terdiri daripada dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan. Pengkaji telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian hanya terhadap empat orang murid sahaja kerana mereka merupakan murid yang paling lemah dalam pembelajaran Al-Quran di dalam kelas tersebut.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Sesi Pertama: Pelaksanaan Latihan Sebelum Tindakan

Pada sesi ini setiap murid diberi satu teks yang mengandungi ayat Al-Quran bertanda waqaf yang standard berwarna hitam tanpa ada simbol dan warna untuk mengenal pasti kualiti pembacaan murid serta tahap pengetahuan mereka iaitu sejauh mana mereka faham akan apa yang diajar oleh guru. Hasil analisis daripada lembaran kerja, pengkaji mendapati masih ramai lagi murid yang keliru dengan 6 jenis tanda waqaf.

Sesi Kedua: Pelaksanaan Tindakan Bacaan 1

Pada sesi ini murid-murid diperkenalkan dengan Jadual BMW sebelum melakukan tindakan. Jadual BMW ini berkonsepkan gabungan warna dengan simbol anak panah bagi memudahkan ingatan murid bersesuaian dengan Noriati A. Rashid, Booh Pong Ying & Sharifah (2009) melibatkan aktiviti mental seperti ingatan, mengkategorikan, merancang dan menaakul serta hasil daripada gabungan warna dan visual (anak panah) membolehkan murid memahami dengan lebih mudah dan jelas mengenai tajuk tanda Waqaf. Pengkaji memasukkan penerapan warna dalam jadual ini kerana bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah yang mana Allah menggunakan warna untuk menjelaskan apa yang ingin disampaikan.

قَالُوا اَدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْنُهَا قَالَ اِنَّهُ يَقُولُ اِنَّهَا بَقْرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقْعُ لَوْنَهَا تَسْرُ النَّظِيرِينَ ﴿٦٩﴾

Mereka berkata, “Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menjelaskan kepada kami apa warnanya.” Musa menjawab, “Allah berfirman : Bahawa sapi itu adalah sapi betina yang kuning tua warnanya, yang menyenangkan orang memandangnya.”

(Surah Al-Baqarah : ayat 69)

Tanda Waqaf Lazim (م) menurut Jadual BMW mempunyai anak panah yang berwarna merah penuh, tanda Waqaf Qabih (لا) mempunyai anak panah yang berwarna hijau penuh, tanda Waqaf Kafi (قال) mempunyai anak panah yang berwarna merah (70%) lebih banyak daripada hijau (30%), tanda Waqaf Hasan mempunyai anak panah berwarna hijau (70%) lebih banyak daripada merah (30%), tanda Waqaf Jaiz pula anak panah yang mempunyai warna yang sama banyak dan akhir sekali tanda Waqaf Mu'anaqah (ج) pula anak panah yang mempunyai warna merah (80%) lebih banyak daripada hijau (20%) serta mempunyai tiga titik (•••). Rajah 1 menunjukkan jenis waqaf dengan warna dan simbol anak panahnya yang tersendiri.

| JADUAL BACAAN METER WAQAF (BMW) | | | |
|---------------------------------|---------------------|-------------|-----------------------------|
| Bil | Nama Stesven Minyak | Tanda Meter | Penerangan |
| 1 | Waqaf Lazim | م | Mesti berhenti |
| 2 | Waqaf Qabih | لا | Dilarang berhenti |
| 3 | Waqaf Kafi | قال | Berhenti lebih utama |
| 4 | Waqaf Hasan | ط | Sambung lebih utama |
| 5 | Waqaf Jaiz | ج | Boleh berhenti atau sambung |
| 6 | Waqaf Mu'anaqah | ••• | Berhenti pada salah satu |

Petunjuk Meter:

■ Minyak habis

■ Masih ada minyak


Disediakan:
 Tuan Abdul Rahman bin Tuan Soh
 PISMP PA JUN 14
 IPGK BATU LINTANG, KUCHING

Rajah 1. Jadual “Bacaan Meter Waqaf” (BMW) 1

Sesi Ketiga: Pelaksanaan Tindakan Bacaan 2

Pada sesi ini murid diberi penekanan dengan memahami tanda waqaf dengan menggunakan simbol dan warna sahaja tanpa penerangan melalui tulisan seperti dalam Rajah 1. Hal ini kerana pengkaji ingin menguji sejauhmana penggunaan visual iaitu warna dan anak panah membolehkan murid untuk berfikir, memberi pendapat serta mudah untuk memahami akan fungsi tanda waqaf. Menurut Mohammad Nasir dan Ibrahim Hassan (2003) menyatakan bahawa melalui seni visual, “kita dapat menggambarkan proses, membuat hubung kait dan membayangkan prinsip-prinsip teori yang tidak dipertimbangkan ataupun dialami sebelum ini”. Hal ini bermakna, seni visual anak panah berwarna dapat memperkembangkan kognitif peserta kajian dan memudahkan proses mengingat serta memahami. Hal ini bersependapat dengan Zulina dan Ramlah (2012), berdasarkan piramid kadar perolehan pengetahuan menunjukkan penglihatan mencatat peratusan terbesar iaitu 83% berbanding rasa, sentuhan, hidu dan pendengaran. Hal ini menunjukkan bahawa visual membolehkan penerolehan maklumat berjalan dengan berkesan.

Oleh itu, pengkaji telah mengagihkan Jadual BMW 2 seperti dalam Rajah 2 kepada setiap orang peserta kajian. Melalui pemerhatian pengkaji, murid dapat memahami penggunaan Rajah 2 berdasarkan temubual antara pengkaji dengan murid yang bernama Kamal (bukan nama sebenar) yang memberitahu analogi anak panah yang berwarna merah bermaksud kereta telah habis minyak dan mesti berhenti untuk mengisi minyak yang baharu. Hal ini bermaksud Kamal perlu memberhentikan bacaan pada Waqaf Lazim dan menarik nafas baru untuk menyambung bacaan seterusnya.



Rajah 2. Jadual “Bacaan Meter Waqaf” (BMW) 2

Sesi keempat: Ujian membaca dengan menggunakan teori anak panah

Sesi keempat ini murid diperingatkan dengan fungsi setiap warna pada anak panah. Murid diberi mashaf yang telah diletakkan anak panah tersebut pada tanda waqaf tanpa mengubah penulisan rasm uthmani. Pada sesi ini murid dapat membaca dengan betul. Antara perkara yang ditekankan semasa murid membaca ialah melihat dimana mereka berhentikan bacaan dan menyambung bacaan.

| Bil | Ayat Waqaf | Jenis Waqaf |
|-----|--|-------------|
| 1 | قُلْ أَحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ | |
| 2 | إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ الَّذِينَ يَسْمَعُونَ وَالْمَوْتَى يَبْعَهُمُ اللَّهُ | |
| 3 | وَمَعَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا | |
| 4 | فَلَا عُدْوَانَ عَلَيَّ وَاللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ | |
| 5 | مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْكَبِيرُ | |
| 6 | ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ | |

Rajah 3 : Contoh Lembaran Yang Mempunyai Tindakan

Sesi kelima: Ujian membaca tanpa menggunakan teori anak panah selepas tindakan

Pada kali ini, murid diuji dengan membaca ayat Al-Quran yang diberi oleh guru tanpa menggunakan bantuan anak panah yang berwarna. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmanakah kefahaman murid dapat dicapai selepas diajar menggunakan Tindakan Jadual BMW. Melalui pemerhatian pengkaji mendapati murid sudah mampu mengenalpasti tanda Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah tanpa menggunakan anak panah.

| Bil | Ayat Waqaf | Jenis Waqaf |
|-----|--|-------------|
| 1 | قُلْ أَحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ | |
| 2 | إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ الَّذِينَ يَسْمَعُونَ وَالْمَوْتَى يَبْعَهُمُ اللَّهُ | |
| 3 | وَمَعَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا | |
| 4 | فَلَا عُدْوَانَ عَلَيَّ وَاللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ | |
| 5 | مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْكَبِيرُ | |
| 6 | ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ | |

Rajah 4. Contoh lembaran yang digunakan pada sesi kelima

Kesemua sesi di atas telah pengkaji laksanakan semasa menjalani praktikum 2 dan internship di Sekolah Kebangsaan Nangka. Masa yang diambil bagi setiap sesi selama 30 minit sahaja untuk setiap peserta kajian. Berikut merupakan jadual pelaksanaan tindakan sepanjang sesi.

Jadual 1

Jadual pelaksanaan Tindakan

| Bil | Sesi | Aktiviti |
|-----|---------|---|
| 1. | Pertama | Pelaksanaan Latihan Sebelum Tindakan |
| 2. | Kedua | Pelaksanaan Tindakan Bacaan 1 |
| 3. | Ketiga | Pelaksanaan Tindakan Bacaan 2 |
| 4. | Keempat | Ujian membaca dengan menggunakan teori anak panah |
| 5. | Kelima | Ujian membaca tanpa menggunakan teori anak panah selepas Tindakan |

DAPATAN KAJIAN

Jadual “Bacaan Meter Waqaf” (BMW) dapat membantu murid dalam mengenal Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu^aanaqah. Dalam penyelidikan tindakan ini, pengkaji telah melaksanakan tindakan secara berperingkat supaya peserta kajian mudah untuk memahami apa yang diajar. Pengkaji telah menganalisis data berdasarkan kepada latihan bacaan pelaksanaan tindakan yang telah disediakan kepada murid sepanjang sesi pelaksanaan tindakan. Terdapat beberapa aspek yang telah pengkaji fokuskan dalam pelaksanaan tindakan.

Pengkaji telah memperkenalkan hukum waqaf tersebut dengan menggunakan Jadual “Bacaan Meter Waqaf” (BMW). **Berdasarkan penerangan tersebut, dapat pengkaji perhatikan minat mereka akan pembelajaran dan pemudahcaraan pada hari tersebut sangat menyeronokkan.** Kajian ini boleh dikatakan membantu murid dalam mengenal tanda waqaf kerana melihat kepada keputusan sebelum melakukan tindakan dan selepas melakukan tindakan. Antara analisis markah peserta kajian yang telah pengkaji rumuskan dalam jadual 2.

Jadual 2

Analisis Jumlah Peningkatan Markah Murid

| Murid | Markah Ujian Sebelum (Peratus) | Markah Ujian Selepas (Peratus) | Jumlah Peningkatan Markah Murid (Peratus) |
|----------|--------------------------------|--------------------------------|---|
| Afiq | 1/5 (20) | 5/5 (100) | 80 % |
| Kamal | 2/5 (40) | 5/5 (100) | 60 % |
| Mawaddah | 1/5 (20) | 5/5 (100) | 80 % |
| Fatin | 1/5 (20) | 5/5 (100) | 80 % |

Berdasarkan jadual 2 murid diberi sebanyak 5 soalan sebelum dan selepas tindakan dilakukan dan markah menunjukkan peserta kajian mempunyai peningkatan yang sangat meningkat. Hal ini juga disokong oleh data temu bual pengkaji bersama salah seorang peserta kajian.

| | | |
|----------|---|--|
| Pengkaji | : | Afiq bagaimana pembelajaran pada hari ini? |
| Afiq | : | Hmm..menarik ustaz, saya faham apa yang ustaz ajar. |
| Pengkaji | : | Apa yang kamu dapat hari ini? |
| Afiq | : | Saya ingat anak panah merah kita mesti berhenti dan anak panah hijau kita masih ada minyak dan x dapat berhenti kerana minyak sudah penuh. |
| Pengkaji | : | Apa nama waqaf itu Afiq? |
| Afiq | : | Jap ustaz...hhha..Waqaf Lazim warna merah, Waqaf Qabih warna hijau. |

Rajah 5. Transkrip Temu Bual

Daripada soalan yang telah dikemukakan kepada murid itu, dia dapat menjawab dengan baik dua jenis waqaf iaitu Waqaf Lazim dan Waqaf Qabih. Hal ini menunjukkan kefahaman murid tentang tanda waqaf sangat meningkat. Secara tidak langsung kaedah ini telah menunjukkan dapat membantu murid untuk memahami dengan baik tentang 5 jenis tanda waqaf.

Selain itu, pengkaji turut membuat pemerhatian dengan menggunakan nota lapangan. Pengkaji telah mencatat tingkah laku peserta kajian dalam catatan nota lapangan yang bertarikh 8 Februari 2018 seperti yang ditunjukkan pada rajah 6.

| | |
|----------|--|
| Tarikh | : 8 Februari 2018 |
| Masa | : 10:00 pagi |
| Tempat | : Bilik Akses |
| Aktiviti | : Latihan membaca ayat tanda Waqaf |
| Catatan | : Peserta kajian dapat menerangkan fungsi bagi setiap tanda waqaf dengan menggunakan Jadual BMW iaitu penggunaan anak panah berwarna dengan baik dan jelas. Peserta kajian dapat menjawab soalan yang diberikan oleh guru dengan betul. Pelajar yang pasif iaitu Fatin menjadi aktif dengan bertanyakan soalan kepada guru semasa penerangan dibuat. |

Rajah 6 : Catatan Nota Lapangan 2

Berdasarkan dengan nota lapangan ini menunjukkan kepada pengkaji bahawa kaedah teori ini membantu murid untuk mengenali hukum tanda waqaf. Di sini dapat pengkaji rumuskan bahawa ketiga-tiga instrumen data ini telah memberi satu hasil keputusan yang mempunyai kesepakatan yang saling berkait iaitu perkembangan murid dari segi kefahamannya daripada sebelum tindakan dan selepas tindakan mempunyai peningkatan yang ketara. Hal ini telah menunjukkan persoalan yang menjadi tanda tanya di awal bab 3 itu telah dijawab apabila keempat-empat peserta kajian pengkaji dapat menerangkan semula kepada pengkaji tentang Waqaf Lazim, Wakaf Qabih, Wakaf Kafi, Wakaf Hasan, Wakaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah dengan bantuan jadual "Bacaan Meter Waqaf"(BMW).

Jadual "Bacaan Meter Waqaf" (BMW) ini dapat meningkatkan amalan pedagogi pengkaji dalam membantu murid mengenal Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah. Penggunaan konsep warna dan simbol anak panah ini sangat menarik minat murid dalam pembelajaran dan pemudahcara serta telah membantu pengkaji dalam meningkatkan amalan PdPc tersebut kerana melalui penggunaan visual boleh menarik tahap fokus dan minat murid terhadap pembelajaran. Hal ini kerana tidak semua murid minat mendengar sahaja coretan daripada guru dan menulis sahaja apa yang guru terangkan. Menurut Faraha Latifah (2006), warna memainkan peranan penting dalam kehidupan terutamanya bagi kanak-kanak. Hal ini kerana kanak-kanak merupakan individu yang menggunakan warna untuk mempercepatkan ingatan atau pengecaman sesuatu objek. Oleh sebab itu pengkaji menerapkan konsep warna dalam inovasi jadual BMW. Warna yang dipilih oleh pengkaji pula merupakan warna yang telah sinonim dalam masyarakat kita yang mana masyarakat kita menggunakannya di jalan raya iaitu warna lampu isyarat jalan seperti warna merah dan warna hijau.

Tingkah laku murid semasa pengkaji mengaplikasikan teori warna dan visual anak panah ini menunjukkan minat seperti ada yang teruja dengan penerapan pelbagai warna dalam jadual BMW tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui rakaman video yang mana murid menyatakan perasaan "waaaa..". Selain itu juga melalui temubual juga dapat pengkaji lihat reaksi murid yang senang untuk ingat fungsi sesuatu waqaf tersebut dengan menerangkan fungsi warna terlebih dahulu barulah menerangkan fungsi sebenar, dengan kata lain murid menyatakan analogi warna terlebih dahulu sebelum menyatakan hukum sesuatu wakaf seperti pada rajah 5 di atas.

Selain itu, kajian ini dapat meningkatkan amalan pdpc pengkaji apabila peserta kajian pengkaji diberikan soalan untuk diuji, mereka dapat menjawab dengan betul kesemua soalan yang diberi. Dapatan kajian ini dikukuhkan lagi dengan hasil daripada pemerhatian melalui senarai semak yang telah dilaksanakan oleh guru pembimbing semasa praktikum. Dapatan mendapati keempat-empat peserta kajian telah menunjukkan minat terhadap PdPc guru semasa menjalankan sesi pengajaran serta dikukuhkan lagi dengan prestasi murid yang menunjukkan peningkatan terhadap pencapaian.

| Bil | Perkara yang difokuskan | Pemerhatian | | | |
|-----|--|-------------|----|----|----|
| | | M1 | M2 | M3 | M4 |
| 1 | Murid dapat menyatakan maksud hukum Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah dengan betul. | / | / | / | / |
| 2 | Murid dapat menyatakan hukum Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah. | / | / | / | / |
| 3 | Murid dapat membaca kalimah yang mengandungi hukum Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan, Waqaf Jaiz dan Waqaf Mu'anaqah. | / | / | / | / |
| 4 | Bacaan murid mengikut tajwid dan fasih. | / | / | / | / |
| 5 | Murid menunjukkan minat dan lebih tumpuan dalam kaedah yang digunakan. | / | / | / | / |
| 6 | Guru perlu memberikan bimbingan berkenaan okum tajwid Waqaf dalam pengajaran surah-surah bacaan Al-Quran. | X | X | X | X |

Rajah 7. Senarai Semak Tentang Pdp Pengkaji

Kesimpulannya yang dapat pengkaji rumuskan, melalui pemerhatian melalui rakaman video, transkrip temu bual dan analisis dokumen iaitu lembaran kerja dan senarai semak dapat disimpulkan bahawa kajian ini dapat meningkatkan serta memperbaiki amalan pedagogi pengkaji tentang Waqaf Lazim, Waqaf Qabih, Waqaf Kafi, Waqaf Hasan dan Waqaf Jaiz melalui penggunaan Jadual BMW. Rajah 7 menunjukkan rumusan keseluruhan bagi dapatan kajian tindakan ini.

REFLEKSI

Pengkaji berharap hasil dapatan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada guru, individu serta diri sendiri pada masa hadapan untuk meningkatkan kemahiran mengingat dalam bidang Al-Quran serta menjadikan bidang Al-Quran ini suatu bidang yang disukai dan dirasakan seronok untuk dipelajari. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pengkaji lain untuk membuktikan bahawa kaedah Bacaan Meter Waqaf bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran mengingat dalam kalangan murid tetapi menjadikan pembelajaran lebih seronok dan menghiburkan. Secara peribadinya, pengkaji merasakan kajian tindakan jadual BMW ini merupakan titik permulaan kejayaan pengkaji sebagai agen perubahan yang mampu memberi satu alternatif untuk menyelesaikan masalah dalam kesukaran mengenal tanda waqaf dan merasakan Al-Quran adalah bidang yang tidak seronok dan membosankan.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan kesan yang positif peserta kajian terhadap pemahaman tanda waqaf dengan menggunakan kaedah warna dan anak panah serta disokong oleh Hajjah (2008) yang membuktikan kaedah mesra warna membantu murid memahami konsep warna itu sendiri. Kaedah ini juga telah merubah tanggapan negatif murid mengenai kaedah bacaan waqaf itu sendiri.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, saya ingin memperkembangkan kajian saya dengan mewujudkan satu mashaf Al-Quran yang berfokuskan dengan tanda waqaf. Hal ini boleh menjadi panduan untuk pembaca AL-Quran mencari tempat untuk berhenti dan memulakan bacaan dengan mudah. Walau bagaimanapun, Al-quran tentang waqaf sudah pun terdapat di pasaran, tetapi ia hanya berfokus kepada tempat berhenti dan sambung di pertengahan ayat sahaja. Hal ini dapat saya tambah baikkan lagi kaedah tersebut dengan menerapkan kaedah jadual BMW dalam Al-Quran tersebut.

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-karīm

- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & J-Qaf, Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Sdn. Bhd.
- Elliott, J. (1978). What is action research in schools? Dalam *Action Research Reader*, (1988) (Edisi Ketiga). Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Faraha Latifah Mohd. (2006). *Kecenderungan Pemilihan Warna Oleh Kanak-Kanak*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Hajjah Hasan. (2008). *Kaedah Mesra Warna Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima*. Kajian Tindakan Sempena Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar, 6-10.
- Harun Yahya. (2007). *How Do The Unwise Interpret The Qur'an*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah Pendidikan Islam*. Diakses dari laman web <http://web.moe.gov.my/bpk/v2/index.php>.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2005). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhamad Syahir Mahadi. (2014). *Penggunaan Kaedah Warna Dalam Mengenal Hukum Tajwid Wajibul Ghunnah*. Tesis yang tidak diterbitkan. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Nik Ja'far Nik Ismail. (2008). *Buku Al-Qawā'id Qabla Tilāwah "Memahami Kaedah Sebelum Membaca"*. Kuala Lumpur: Darul Fikr Sdn. Bhd.
- Nik Ja'far Nik Ismail. (1995). *Panduan Tartil Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikr Sdn. Bhd.
- Noriati A.Rashid, Boon Poon Ying dan Syarifah Fakhiriah Syed Ahmad. (2009). *Murid Dan Alam Belajar*. Shah Alam: Penerbitan Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah & Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Terjemahan Abdul Qadir. (1982) .Imam Nawawi, *At-Tibyaan fii Aadaabi Hamalatil Quran*. Damsyiq.

Zulina Ahmad Zawawi dan Ramlah Mohd Dom. (2012). *Elemen Warna, Ruang dan Irama Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan Guru Pelatih Semester 5 IPG Kampus Pendidikan Islam*. Paper presented at the Persidangan Pendidikan Islam Kebangsaan 2012, Negeri Sembilan.